

Berfikir secara rasional, kata M. kepada pelajar2

BH-24 JAN 1976

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed berkata, pelajar-pelajar, harus mempunyai kesanggupan untuk bertindak dan menghadapi cabaran-cabaran serta berfikir secara rasional.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam ucapannya meresmikan Hari Terbuka Universiti Sains Malaysia di sini hari ini yang di bacakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Encik Chan Siang Sun.

Menurut Dr. Mahathir se-

PULAU PINANG, Jumaat

suatu tindakan yang diambil oleh para pelajar dan mahasiswa mestilah berpandukan kepada matlamat pembangunan berdasarkan latar belakang masyarakat dan kehendak-kehendak negara.

Tegasnya, jika tindakan-tindakan itu diambil secara emosi tanpa mengkaji implikasinya secara mendalam, ia-

nya akan merugikan negara dan pihak berkenaan sendiri.

Saya percaya para pelajar dapat bertindak secara positif sekiranya mereka berfikir secara rasional dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggung jawab," katanya lagi.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa segala pengaruh dan anasir yang boleh memecahbelahkan rakyat serta menghalang kemajuan negara hendaklah dihapuskan.

Katanya lagi, institut-institut pelajaran tinggi dijangka dapat membekalkan tenaga manusia yang cukup dan berkelayakan untuk merancang serta melaksanakan projek-projek pembangunan sesebuah negara.

Universiti-universiti juga, tambah Dr. Mahathir lagi, dijangka dapat menjalankan penyelidikan-

penyelidikan sosio-ekonomi secara teratur untuk tujuan pembangunan negara.

Menurutnya negara-negara membangun juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang berkecuali, berdisiplin, jujur dan bermoral tinggi.

"Universiti-universiti diharapkan dapat melatih bakal-bakal pemimpin untuk memenuhi keperluan negara," ujarnya.

Untuk mencapai matlamat itu, katanya, Malaysia membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun di bidang pelajaran.

Sebagai contoh, katanya, tahun ini sahaja Universiti Sains Malaysia mendapat peruntukan \$44.8 juta dan ini tidak termasuk peruntukan bagi biasiswa, dermasiswa dan hadiah bantuan latihan.

Bagi aktiviti pelajaran menengah atas dan tinggi untuk tahun ini, Kerajaan menguntukkan sebanyak \$277.94 juta, jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan tidak akan lari daripada tanggungjawab walaupun perbelanjaan ini bertambah besar, malah akan terus menguntukkan perbelanjaan yang lebih banyak bagi pelajaran dan latihan.

Katanya lagi Kerajaan bukan sahaja hendak menentukan supaya setiap warganegara diberi pelajaran, tetapi juga pelajaran merupakan penggerak utama bagi segala usaha pembangunan negara.

36